

13 SEP 2002  
BN-Resolusi  
BN KEDAH CADANG TUBUH JABATAN HAL EHWAL PENGUNDI

ALOR SETAR, 13 Sept (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Negeri Kedah mencadangkan supaya ditubuhkan Jabatan Hal Ehwal Pengundi di bawah kawalan Kementerian Dalam Negeri bagi menangani masalah pengundi hantu dan pengundi import.

Cadangan tersebut antara 11 resolusi yang diputuskan dalam Konvesyen BN Negeri Kedah, semalam.

Resolusi itu hari ini diserahkan Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain selaku Pengerusi BN Kedah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada majlis Himpunan Mesra Rakyat Bersama Perdana Menteri di Kolej Sultan Abdul Hamid, di sini.

Berdasarkan resolusi itu, jabatan yang dicadangkan itu mempunyai hubungan secara langsung dengan Jabatan Pendaftaran Negara.

Cadangan itu dibuat supaya soal pengundi hantu, pengundi import dan pengundi ciptaan dapat ditangani bertujuan menjamin hak rakyat dalam sistem demokrasi, agar integriti dan perjalanan pilihan raya di Malaysia dapat dipertahankan.

Isu pengundi hantu dan pengundi import ini tercetus bila Dr Mahathir menyelar Pas telah memindahkan lebih 500 orang pengundi luar ke kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit pada pilihan raya kecil kawasan itu, baru-baru ini.

Antara lain, resolusi yang dicapai dalam konvesyen itu mendesak supaya anasir subversif, ekstremis, pelampau agama, penggugat perpaduan rakyat serta pengamal budaya deviasionis yang tidak selaras dengan sensitiviti masyarakat berbilang kaum, diambil tindakan sewajarnya.

Selain itu, BN Kedah berdasarkan resolusi itu menyeru semua pimpinan parti politik, kaum, pertubuhan agama, badan bukan kerajaan agar memahami dan mematuhi "kontrak sosial" yang telah dipersetujui antara pimpinan kaum terdahulu agar ketuanan Melayu terus dipelihara.

-- BERNAMA

MNH ZB